

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (65)

Tarikh: 4 November 2014

KENYATAAN AKHBAR

PEGAWAI DAN ANGGOTA BARU PENGUATKUASA MBPJ TAMAT LATIHAN

Bagi mewujudkan dan memastikan sistem keselamatan di Petaling Jaya sentiasa berada di tahap yang terbaik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sedar akan kepentingan bidang penguatkuasaan. Untuk makluman, kekuatan keseluruhan anggota penguatkuasa MBPJ adalah seramai 434 anggota termasuk pegawai dan anggota.

Seramai 4 pegawai dan 39 orang anggota penguatkuasa MBPJ telah dilantik dan menamatkan Kursus Asas Pegawai dan Anggota Penguatkuasa MBPJ yang telah dijalankan bermula 2 MEI hingga 6 JUN 2014 yang lalu.

Anggota-anggota penguatkuasa ini telah diberi pendedahan secukupnya di dalam latihan dari aspek latihan fizikal, kawad kaki, undang-undang dan peraturan majlis, protokol, kepimpinan, kemahiran, integriti, perkhidmatan, seni mempertahankan diri dan pendidikan dalam membentuk semangat berpasukan di antara anggota jabatan dan seluruh warga kerja majlis seterusnya memberi impak yang positif di dalam menjalankan tugas pada setiap hari tidak kira waktu dan keadaan.

Mereka juga diberi peluang menghadiri kursus-kursus lanjutan yang dianjurkan oleh pihak PULAPES serta agensi-agensi kerajaan. Selepas ini pegawai-pegawai dan anggota yang dilantik akan melaksanakan dan mengutamakan tugas-tugas penguatkuasaan berpandukan akta dan undang-undang kecil yang digunapakai oleh majlis.

Selain dari itu, pegawai dan anggota-anggota juga turut didedahkan dengan program-program sosial peringkat jabatan seperti mengadakan program jalinan kasih dengan aktiviti gotong-royong, penyediaan bubur lambuk, sambutan aidilfitri, membantu melaksanakan ibadah korban, lawatan dan pendidikan bersama komuniti setempat serta banyak lagi.

Untuk makluman semua, operasi-operasi rutin, berkala telah giat dilaksanakan bagi memperkasakan tindakan-tindakan penguatkuasaan ini termasuklah :-

- a) OPERASI LESEN BAGI MENCEGAH AKTIVITI PENIAGA TANPA LESEN.
- b) OPERASI HALANGAN BAGI MENGAMBIL TINDAKAN HALANGAN DI TEMPAT AWAM.
- c) OPERASI PUSAT HIBURAN BAGI MENCEGAH TINDAKAN PREMIS HIBURAN TANPA LESEN.
- d) OPERASI PUSAT SIBER BAGI KESALAHAN SIBER TANPA LESEN.
- e) OPERASI PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN
- f) OPERASI TUNDA DAN LALULINTAS BAGI KESALAHAN LALULINTAS
- g) OPERASI KUTU SAMPAH BAGI MENCEGAH PEMBUANGAN SAMPAH DI SEKITAR KAWASAN PETALING JAYA

h) OPERASI BESI BURUK/ KITAR SEMULA BAGI MENCEGAH PENGUSAHA MEMBINA PREMIS HARAM.

Di samping itu juga, Majlis kerap mengadakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi luar iaitu PDRM, Agensi Dadah Kebangsaan, Imigresen, Jabatan Agama Islam Selangor dan lain-lain.

Anggota penguatkuasa di sebuah PBT pada hari ini perlu sentiasa peka dengan ancaman-ancaman keselamatan moden yang ada pada hari ini, seorang anggota penguatkuasa yang bertugas di sesebuah pihak berkuasa tempatan terdedah kepada ancaman-ancaman keselamatan moden seperti kegiatan rasuah, salah guna kuasa, tidak profesional dalam mengendalikan tugas, tiada disiplin diri dan integriti serta banyak lagi. Disebabkan faktor inilah, seorang anggota keselamatan itu perlu dilengkapi dengan segala bentuk ilmu dan pengetahuan untuk menangani cabaran ancaman-ancaman ini selain mempunyai jadi diri yang kuat bagi mengelakkan diri dari terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

Jabatan ini juga bertanggungjawab melaksanakan Program Pasukan Kejiranan Keselamatan (PKKPJ) atau PJ Safe iaitu pengaktifan '*community policing*' di kalangan penduduk di dalam usaha meningkatkan "*customer services responsibility*" semenjak tahun 2011. Melalui PKKPJ ini program rondaan di antara anggota penguatkuasa MBPJ bersama persatuan-persatuan penduduk dan juga PDRM ditingkatkan. PKKPJ turut menguatkuasakan aktiviti persatuan penduduk serta meningkatkan kesedaran berhubung keselamatan penduduk di Petaling Jaya serta meningkatkan tahap penglibatan pelbagai pihak seterusnya menjadi perintis dan contoh kepada PBT lain.

Pencapaian demi pencapaian telah diperolehi oleh Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan. antaranya MBPJ telah menjadi peneraju bagi Seminar Transformasi Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan pada 19-22 Jun 2012 yang mengumpulkan 48 PBT terdiri daripada 314 orang pegawai serta anggota penguatkuasa seluruh Malaysia.

Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MBPJ jua telah mengharumkan nama Majlis dengan memenangi pertandingan kawad kaki sempena Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Selangor dan pelbagai lagi anugerah dalam bidang sukan yang berjaya di peringkat MBPJ mahupun negeri.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media.
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695